



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Fakulti Kejuruteraan Petroleum dan
Kejuruteraan Tenaga Diperbaharui

**PANDUAN PEPERIKSAAN AKHIR
PETIKAN DARIPADA
PERATURAN AKADEMIK 2011
PROGRAM SARJANA MUDA PENGAJIAN SEPENUH MASA**

1.0 SYARAT MENDUDUKI PEPERIKSAAN AKHIR

- 1.1 Semua pelajar berdaftar dan berstatus aktif hendaklah menduduki peperiksaan bagi semua kursus yang ditetapkan oleh fakulti, tertakluk kepada syarat pelajar telah mendaftar kursus dengan sempurna dan tertakluk kepada Panduan Tindakan Ke atas Pelajar Yang Menghadiri Kuliah Kurang Daripada 80%.
- 1.2 Fakulti boleh membenarkan penangguhan peperiksaan bagi seseorang pelajar yang sakit atau atas alasan yang boleh diterima oleh Universiti. Pelajar dikehendaki mendapatkan **Sijil Cuti Sakit (disahkan dan diperakukan oleh doktor Hospital Kerajaan atau Pegawai Perubatan Universiti) sebelum peperiksaan bermula dan mengemukakan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada DUA PULUH EMPAT (24) jam** setelah peperiksaan yang berkenaan bermula kecuali atas sebab-sebab yang boleh diterima oleh Universiti.

2.0 TATACARA PEPERIKSAAN AKHIR

- 2.1 Pelajar dinasihatkan supaya berada di luar Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan yang telah ditetapkan sebagaimana yang tercatat dalam Jadual Peperiksaan tidak lewat daripada **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan bermula.

- 2.2 Pelajar boleh dibenarkan masuk oleh Ketua Pengawas ke Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan **LIMA BELAS (15) minit** sebelum waktu peperiksaan bermula. Pelajar hendaklah masuk dengan tertib.
- 2.3 Pelajar yang lewat hadir tetapi tidak melebihi **TIGA PULUH (30) minit** daripada waktu peperiksaan dimulakan dibenarkan mengambil peperiksaan, **TETAPI** waktu tamat peperiksaannya bagi kursus tersebut adalah sama dengan pelajar lain.
- 2.4 Pelajar yang datang selepas **TIGA PULUH (30) minit** daripada waktu sesuatu peperiksaan dimulakan **tidak dibenarkan masuk** ke Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan dan tidak boleh menduduki peperiksaan tersebut.
- 2.5 Pelajar tidak boleh meninggalkan Dewan dan/atau Bilik peperiksaan dalam masa **TIGA PULUH (30) minit** selepas peperiksaan bermula dan juga dalam masa **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan berakhir. Pelajar yang ingin keluar sebentar daripada Dewan/Bilik Peperiksaan hendaklah meminta kebenaran daripada Pengawas.
- 2.6 Pelajar dikehendaki membawa:-
a. Slip pendaftaran kursus; dan
b. Kad matrik atau my kad/passport; ke Dewan/Bilik Peperiksaan dan hendaklah diletakkan di sudut kanan meja peperiksaan untuk diperiksa oleh Pengawas.
- 2.7 Pelajar yang tidak membawa slip pendaftaran kursus dan kad pengenalan atau kad matrik tidak dibenarkan mengambil peperiksaan melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Penyelia Peperiksaan.
- 2.8 Pelajar **tidak dibenarkan sama sekali membawa apa-apa buku, kamus, kertas, gambar, nota, alat yang terdapat catatan bertulis, kalkulator berprogram, alat komunikasi atau sebarang alat kecuali yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas** ke dalam Dewan/Bilik Peperiksaan, atau menerima barang-barang tersebut daripada mana-mana orang semasa berada di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan kecuali yang diberikan oleh pengawas sepertimana yang dibenarkan oleh Naib Canselor atas syor Pemeriksa atau Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti.
- 2.9 Alat keperluan yang dipinjamkan kepada pelajar hendaklah dikembalikan kepada pengawas di akhir peperiksaan.
- 2.10 Pelajar hendaklah mematuhi segala arahan Ketua Pengawas dari semasa ke semasa berada di dalam Dewan/Bilik Peperiksaan **LIMA BELAS (15) minit** sebelum peperiksaan dimulakan, pelajar dibenarkan:-
(a) mengisi Borang Kehadiran dan maklumat yang dikehendaki di hadapan buku dan/atau kertas jawapan peperiksaan; dan
(b) membaca kertas soalan tanpa membuat sebarang catatan.

- 2.11 Pelajar hendaklah menulis nama, nombor my kad/passport, kod kursus, seksyen dan program serta maklumat lain yang diperlukan pada setiap buku/kertas jawapan serta sebarang lampiran yang digunakan.
- 2.12 Pelajar hendaklah membaca dengan teliti dan mematuhi arahan yang tercetak pada kulit buku jawapan.
- 2.13 Pelajar hendaklah memastikan mereka telah diberikan kertas soalan yang betul serta muka surat yang cukup sebelum mula menjawab. Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, pelajar hendaklah dengan serta merta memberitahu pengawas yang bertugas.
- 2.14 Semua kerja peperiksaan termasuk kerja percubaan (rough work) hendaklah dibuat dalam buku dan/atau kertas jawapan. Helaian buku jawapan tidak boleh dikoyakkan.
- 2.15 Buku/kertas jawapan yang telah digunakan, rosak atau kosong tidak boleh dibawa keluar daripada Dewan dan atau Bilik Peperiksaan.
- 2.16 Pelajar **tidak dibenarkan berhubung dengan pelajar lain** dalam masa peperiksaan.
- 2.17 Pelajar tidak dibenarkan sama sekali makan dan/atau merokok semasa berada di Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan.
- 2.18 Di akhir peperiksaan, pelajar hendaklah memastikan buku dan/atau kertas jawapan peperiksaan (kecuali buku dan/atau kertas jawapan kosong dan/atau kerja percubaan) disusun dan diikat dengan sempurna mengikut arahan yang diberikan, berserta dengan salinan pertama Borang Kehadiran Pelajar sebelum menyerahkannya kepada pengawas.
- 2.19 Pelajar hendaklah berada di tempat duduk masing-masing selepas tamat peperiksaan dan hanya dibenarkan keluar dari Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan setelah mendapat arahan daripada Ketua Pengawas.
- 2.20 Pelajar **tidak boleh mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu** yang ditetapkan atau meneruskan kerja selepas waktu peperiksaan tamat.
- 2.21 Pelajar hendaklah masuk dan keluar dari Dewan dan/atau Bilik Peperiksaan dalam keadaan tertib dan teratur.
- 2.22 Pelajar **dilarang merujuk dan/atau menggunakan sebarang bahan rujukan** di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan kecuali yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.

- 2.23 Pelajar **tidak boleh memberi atau menerima sebarang bantuan daripada pelajar atau pihak lain yang** berkaitan dengan peperiksaan semasa peperiksaan sedang berjalan kecuali yang dibenarkan oleh Ketua Pengawas.

3.0 SALAH LAKU PEPERIKSAAN

- 3.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut;
- (a) **Memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, cetak atau apa-apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan, semasa peperiksaan dijalankan** sama ada di dalam atau di luar Dewan/Bilik Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
 - (b) Menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan;
 - (c) **Menipu atau cuba untuk menipu** atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa peperiksaan sedang berjalan; atau
 - (d) Lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti.

4.0 HUKUMAN

- 4.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-
- (a) memberi markah **SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan** kursus yang berkenaan. (termasuk kerja kursus); atau
 - (b) memberi markah **SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan** pada semester tersebut.
- 4.2 Pelajar yang didapati **melakukan kesalahan kali kedua hendaklah diambil tindakan tatatertib** mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.